

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1	PROGRAM VAKSINASI HPV : Siapakah yang layak menerima Vaksinasi HPV melalui Program MyHPV ini?	4
2	PROGRAM VAKSINASI HPV : Sekiranya seorang wanita itu layak menerima Vaksinasi HPV melalui program ini, berapakah jumlah suntikan yang akan diterima?	4
3	PROGRAM VAKSINASI HPV : Sekiranya Karshini layak menerima Vaksinasi HPV melalui program ini, dimanakah beliau perlu mendapatkan vaksinasi tersebut?	4
4	PROGRAM VAKSINASI HPV : Siew Ping dilahirkan pada Februari 1994. Adakah dia layak diberi Vaksinasi HPV pada tahun 2019?	4
5	PROGRAM VAKSINASI HPV : Qistina lahir pada tahun 1993 dan merupakan pengidap Down's Syndrome. Adakah dia layak mendapatkan Vaksinasi HPV?	4
6	PROGRAM VAKSINASI HPV : Semasa kempen Vaksinasi HPV, seorang ibu merayu supaya anak lelakinya yang berusia 18 tahun diberi vaksinasi kerana beliau terbaca artikel mengenai Vaksinasi HPV. Adakah anak lelaki tersebut layak menerima suntikan HPV melalui program ini?	5
7	PROGRAM VAKSINASI HPV : Devi baru menerima vaksinasi HPV. Selepas 10 minit, Devi mengadu berasa loya dan pening. i. Adakah loya dan pening merupakan kesan sampingan Vaksinasi HPV? ii. Apakah yang perlu dilakukan?	5
8	PROGRAM VAKSINASI HPV : Kavita pernah mengalami alahan yang teruk selepas diberi Pelalian MMR semasa Tahun 1. Adakah dia layak mendapat vaksinasi HPV ini?	6
9	PROGRAM VAKSINASI HPV : Seorang wanita yang lahir pada tahun 1993 memaklumkan dia pernah melakukan hubungan seks 4 bulan yang lalu. Patutkah wanita ini diberi Vaksinasi HPV ?	6
10	PROGRAM VAKSINASI HPV : Fong enggan mengambil Vaksinasi HPV dos kedua kerana telah pengsan setelah menerima vaksinasi dos pertama. Adakah wajar dos kedua	6

	diberikan kepada Fong?	
11	PROGRAM VAKSINASI HPV : Sumati lahir pada tahun 1993 dan tinggal di pedalaman Sarawak. Adakah Sumati layak mendapat Vaksinasi HPV?	6
12	PROGRAM VAKSINASI HPV : Kartika seorang warganegara Indonesia, lahir pada tahun 1993 dan menuntut di IPTA. Adakah dia layak menerima Vaksinasi HPV di bawah Program Vaksinasi HPV ini?	7
13	PROGRAM VAKSINASI HPV : Aina telah mendapat Vaksinasi HPV yang pertama pada 20 Januari 2019. Beliau dijadualkan untuk mendapat dos kedua pada 20 Februari 2019. Walau bagaimanapun pada hari tersebut Aina didapati mengalami demam panas. Adakah Aina boleh menerima vaksinasi pada hari tersebut?	7
14	PROGRAM VAKSINASI HPV : Felia telah mendapat Vaksinasi HPV sebanyak 2 kali pada Januari 2019 dan Februari 2019. Dia dijadualkan untuk menerima dos ketiga pada Julai 2019. Walau bagaimanapun, dia tidak hadir untuk menerima vaksinasi pada tarikh tersebut. Adakah yang perlu Felia lakukan?	7
15	PROGRAM VAKSINASI HPV : Menurut rekod Vaksinasi HPV Adeeba, beliau telah menerima vaksinasi pertama pada Februari 2019. Tiada rekod untuk dos ke 2. Beliau datang ke klinik LPPKN untuk menerima dos ketiga. Beliau memaklumkan telah mendapat vaksinasi kedua dari sebuah klinik swasta tetapi terlupa untuk mencatatnya pada rekod Vaksinasi HPV beliau. Bolehkah Adeeba menerima vaksinasi dos ketiga di Klinik LPPKN?	7
16	PROGRAM VAKSINASI HPV : Kamala berumur 30 tahun dan telah berkahwin. Beliau ingin mendapatkan suntikan HPV percuma di Klinik LPPKN. Adakah beliau layak mendapat suntikan tersebut?	8
17	PROGRAM VAKSINASI HPV : Yong telah menerima Vaksinasi HPV dos pertama dan kedua. Namun selepas 6 bulan, beliau terlupa untuk melengkapkan dos ketiga. Adakah Yong boleh menerima dos ketiga kerana telah melebihi tempoh 6 bulan daripada dos pertama?	8

18	PROGRAM VAKSINASI HPV : Apakah kesan sekiranya Laili tidak melengkapkan ketiga-tiga dos Vaksinasi HPV ini?	8
19	PROGRAM VAKSINASI HPV : Airis menerima Vaksinasi HPV dos pertama di Klinik LPPKN Melaka. Selepas seminggu menerima vaksinasi, Airis telah berpindah ke negeri Kelantan. Bolehkah Airis menerima dos seterusnya di Kelantan?	8
20	PROGRAM VAKSINASI HPV : Venusha enggan menerima Vaksinasi HPV dos kedua kerana pengalaman berasa sakit yang dialami semasa vaksinasi dos pertama. Apakah tindakan anda?	8
21	PROGRAM VAKSINASI HPV : Pada Mac 2019, Hani telah menerima Vaksinasi HPV dos 1. Selepas 15 minit menerima vaksinasi beliau mempunyai tanda-tanda AEFI yang serius dan dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut. Hani dibenarkan pulang ke rumah selepas 2 hari berada di hospital. Adakah Hani layak diberi vaksinasi dos ke 2? Apakah tindakan yang perlu diambil seterusnya?	9

Isi Kandungan 1:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Siapakah yang layak menerima Vaksinasi HPV melalui Program MyHPV ini?

Bermula Januari 2019, pemberian vaksinasi HPV secara percuma melalui program ini adalah kepada wanita bujang/belum pernah berkahwin, warganegara malaysia atau penduduk tetap yang lahir pada tahun 1992 hingga 1996 serta wanita dalam kumpulan klasifikasi pendapatan B40 dan M40 . Sila dapatkan suntikan ini di mana-mana Klinik Nur Sejahtera LPPKN.

Isi Kandungan 2:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Sekiranya seorang wanita itu layak menerima Vaksinasi HPV melalui program ini, berapakah jumlah suntikan yang akan diterima?

Suntikan vaksin HPV adalah sebanyak tiga(3) kali untuk setiap individu. Jadual Vaksinasi HPV adalah seperti berikut:

Dos Pertama 0 bulan(hari vaksinasi pertama diberikan)

Dos Kedua 1 bulan selepas dos pertama

Dos Ketiga 6 bulan selepas dos pertama

Isi Kandungan 3:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Sekiranya Karshini layak menerima Vaksinasi HPV melalui program ini, dimanakah beliau perlu mendapatkan vaksinasi tersebut?

Karshini boleh mendapatkan suntikan vaksin HPV ini di mana - mana Klinik Nur Sejahtera (Klinik LPPKN) di seluruh negara. Sila hubungi Klinik Nur Sejahtera LPPKN berdekatan untuk membuat temujanji.

Isi Kandungan 4:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Siew Ping dilahirkan pada Februari 1994. Adakah dia layak diberi Vaksinasi HPV pada tahun 2019?

Siew Ping layak mendapat Vaksinasi HPV melalui program ini. Program Vaksinasi ini menetapkan bagi tahun 2019, hanya wanita warganegara Malaysia yang lahir pada tahun 1992 hingga 1996 adalah layak menerima Vaksinasi HPV

Isi Kandungan 5:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Qistina lahir pada tahun 1993 dan merupakan pengidap Down's Syndrome. Adakah dia layak mendapatkan Vaksinasi HPV?

Qistina layak diberi Vaksinasi HPV kerana Syndrom Down bukan kontraindikasi.

Isi Kandungan 6:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Semasa kempen Vaksinasi HPV, seorang ibu merayu supaya anak lelakinya yang berusia 18 tahun diberi vaksinasi kerana beliau terbaca artikel mengenai Vaksinasi HPV. Adakah anak lelaki tersebut layak menerima suntikan HPV melalui program ini?

Remaja lelaki tersebut tidak layak menerima Vaksinasi HPV melalui program ini. Program Vaksinasi HPV ini mensasarkan pemberian vaksinasi kepada wanita yang layak sahaja.

Isi Kandungan 7:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Devi baru menerima vaksinasi HPV. Selepas 10 minit, Devi mengadu berasa loya dan pening.

i. Adakah loya dan pening merupakan kesan sampingan Vaksinasi HPV?

ii. Apakah yang perlu dilakukan?

- i. Loya dan pening adalah salah satu kesan sampingan Vaksinasi HPV.
- ii. Devi akan diletakkan di bawah pemerhatian selama 20 minit

Kesan sampingan yang paling kerap (dianggarkan 1 kes bagi setiap 10 orang yang disuntik):

- § Rasa sakit atau kurang selesa di tempat vaksinasi
- § Bengkak dan kemerahan di tempat vaksinasi
- § Sakit kepala
- § Lengah, rasa lemah otot dan letih

Kesan sampingan yang kerap (dianggarkan lebih dari 1 kejadian bagi setiap 100 kes):

- § Sistem pencernaan seperti loya, muntah dan sakit perut
- § Gatal, bintik merah di kulit dan urtikaria
- § Sakit sendi
- § Demam (suhu badan pada atau melebihi 38 darjah celcius)

Kesan sampingan yang jarang berlaku (dianggarkan kurang dari 1 kes bagi setiap 100 orang tetapi melebihi 1 kes bagi setiap 1,000 vaksinasi):

- § Jangkitan sistem pernafasan (jangkitan hidung, tekak dan tengkorok)
- § Pening
- § Reaksi lain seperti bengkak yang keras, kebas dan mencucuk di kawasan vaksinasi.

Kesan sampingan yang amat jarang berlaku:

Seseorang yang menerima vaksin HPV boleh mengalami alahan teruk yang dikenali sebagai '*anaphylactic reaction*'. Tanda-tanda keadaan ini termasuk kesukaran bernafas dan pengsan. Kes seperti ini memerlukan kepada rawatan segera dan rujukan terus ke hospital mesti dibuat.

Selain daripada itu, dianggarkan 1 kes 'Gullain Barre Syndrome' (GBS) bagi setiap 100,000 Vaksinasi HPV. Kejadian GBS sekiranya berlaku, terjadi dalam tempoh 6 minggu selepas vaksinasi di mana kes akan didapati mengalami Acute Flacid Paralysis (AFP) di bahagian anggota kaki. Kes-kes yang disyaki mestilah dimasukkan ke hospital dan dilaporkan ke dalam sistem surveilan AFP.

Isi Kandungan 8:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Kavita pernah mengalami alahan yang teruk selepas diberi Pelalian MMR semasa Tahun 1. Adakah dia layak mendapat vaksinasi HPV ini?

Kavita perlu mendapatkan pengesahan daripada pegawai perubatan/pakar perubatan sebelum menerima Vaksinasi HPV ini. Sekiranya terdapat kebenaran daripada pegawai perubatan/pakar perubatan, Kavita boleh menerima vaksinasi ini.

Isi Kandungan 9:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Seorang wanita yang lahir pada tahun 1993 memaklumkan dia pernah melakukan hubungan seks 4 bulan yang lalu. Patutkah wanita ini diberi Vaksinasi HPV ?

Sekiranya wanita ini tidak mengandung, dia layak menerima Vaksinasi HPV.

Isi Kandungan 10:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Fong enggan mengambil Vaksinasi HPV dos kedua kerana telah pengsan setelah menerima vaksinasi dos pertama. Adakah wajar dos kedua diberikan kepada Fong?

Rekod kesihatan/perubatan Fong akan disemak. Sekiranya terdapat kebenaran daripada pegawai perubatan/pakar kesihatan, Vaksinasi HPV dos seterusnya perlu diberikan mengikut jadual yang ditetapkan bagi mendapat perlindungan yang optimum.

Isi Kandungan 11:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Sumati lahir pada tahun 1993 dan tinggal di pedalaman Sarawak. Adakah Sumati layak mendapat Vaksinasi HPV?

Sekiranya Sumati warganegara Malaysia, dia layak mendapat Vaksinasi HPV melalui program ini.

Isi Kandungan 12:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Kartika seorang warganegara Indonesia, lahir pada tahun 1993 dan menuntut di IPTA. Apakah dia layak menerima Vaksinasi HPV di bawah Program Vaksinasi HPV ini?

Kartika tidak layak menerima Vaksinasi HPV melalui program ini kerana dia bukan warganegara Malaysia. Sekiranya beliau ingin mendapatkan vaksin HPV, beliau boleh mendapatkan vaksinasi HPV secara berbayar di KNS LPPKN atau klinik/hospital swasta.

Isi Kandungan 13:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Aina telah mendapat Vaksinasi HPV yang pertama pada 20 Januari 2019. Beliau dijadualkan untuk mendapat dos kedua pada 20 Februari 2019. Walau bagaimanapun pada hari tersebut Aina didapati mengalami demam panas. Adakah Aina boleh menerima vaksinasi pada hari tersebut?

Vaksinasi HPV Aina pada hari tersebut perlu ditangguhkan. Aina akan diberi tarikh temujanji baru untuk mendapatkan vaksinasi dos seterusnya.

Isi Kandungan 14:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Felia telah mendapat Vaksinasi HPV sebanyak 2 kali pada Januari 2019 dan Februari 2019. Dia dijadualkan untuk menerima dos ketiga pada Julai 2019. Walau bagaimanapun, dia tidak hadir untuk menerima vaksinasi pada tarikh tersebut. Apakah yang perlu Felia lakukan?

Felia perlu mendapatkan tarikh temujanji baru dengan kadar segera.

Isi Kandungan 15:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Menurut rekod Vaksinasi HPV Adeeba, beliau telah menerima vaksinasi pertama pada Februari 2019. Tiada rekod untuk dos ke 2. Beliau datang ke klinik LPPKN untuk menerima dos ketiga. Beliau memaklumkan telah mendapat vaksinasi kedua dari sebuah klinik swasta tetapi terlupa untuk mencatatnya pada rekod Vaksinasi HPV beliau. Bolehkah Adeeba menerima vaksinasi dos ketiga di Klinik LPPKN?

Vaksinasi dos ketiga boleh diterima di Klinik LPPKN sekiranya vaksin dos kedua dari klinik swasta adalah sama dengan jenis vaksin LPPKN. Sekiranya jenis vaksin dari klinik swasta adalah tidak sama dengan jenis vaksin LPPKN, dos vaksinasi seterusnya tidak boleh diberikan. Adeeba dinasihatkan untuk mengambil dos seterusnya di klinik swasta yang sama.

Isi Kandungan 16:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Kamala berumur 30 tahun dan telah berkahwin. Beliau ingin mendapatkan suntikan HPV percuma di Klinik LPPKN. Adakah beliau layak mendapat suntikan tersebut?

Kamala tidak layak mendapat suntikan HPV percuma kerana Program Vaksinasi HPV menasaskan pemberian vaksinasi ini hanya untuk wanita lahir pada tahun 1992-1996 dan bujang/tidak pernah berkahwin. Kamala boleh mendapatkan suntikan HPV secara berbayar di mana-mana hospital/klinik swasta.

Isi Kandungan 17:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Yong telah menerima Vaksinasi HPV dos pertama dan kedua. Namun selepas 6 bulan, beliau terlupa untuk melengkapkan dos ketiga. Adakah Yong boleh menerima dos ketiga kerana telah melebihi tempoh 6 bulan daripada dos pertama?

Yong perlu mendapatkan vaksinasi dos ketiga dengan kadar segera. Namun perlindungan yang optimum adalah sekiranya semua tiga dos vaksinasi dilengkapkan dalam tempoh 6 bulan.

Isi Kandungan 18:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Apakah kesan sekiranya Laili tidak melengkapkan ketiga-tiga dos Vaksinasi HPV ini?

Ketiga-tiga dos Vaksinasi HPV ini perlu dilengkapkan bagi memastikan vaksinasi ini memberikan perlindungan yang optimum bagi pencegahan kanser serviks.

Isi Kandungan 19:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Airis menerima Vaksinasi HPV dos pertama di Klinik LPPKN Melaka. Selepas seminggu menerima vaksinasi, Airis telah berpindah ke negeri Kelantan. Bolehkah Airis menerima dos seterusnya di Kelantan?

Airis boleh menerima vaksinasi dos kedua dan ketiga di Klinik LPPKN Kelantan.

Isi Kandungan 20:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Venusha enggan menerima Vaksinasi HPV dos kedua kerana pengalaman berasa sakit yang dialami semasa vaksinasi dos pertama. Apakah tindakan anda?

Beri nasihat mengenai faedah-faedah Vaksinasi HPV. Sekiranya Venusha masih enggan, hormati keputusannya. Rekod maklumat Venusha dalam buku pendaftaran. Nasihatkan beliau untuk mendapatkan Vaksinasi di Klinik LPPKN yang berdekatan sekiranya beliau mengubah fikiran.

Isi Kandungan 21:

PROGRAM VAKSINASI HPV : Pada Mac 2019, Hani telah menerima Vaksinasi HPV dos 1. Selepas 15 minit menerima vaksinasi beliau mempunyai tanda-tanda AEFI yang serius dan dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut. Hani dibenarkan pulang ke rumah selepas 2 hari berada di hospital. Adakah Hani layak diberi vaksinasi dos ke 2? Apakah tindakan yang perlu diambil seterusnya?

Lengkapkan borang Adverse Drug Reactions dan hantar/fax ke BPFK dan Bilik Gerakan berkaitan AEFI serius dalam masa 24 jam.

Lengkapkan borang penyiasatan kejadian AEFI serius seperti Lampiran 6.3 dan hantar ke BPFK.

Kelompok vaksin tersebut dikuarantinkan sehingga laporan penyiasatan diperolehi. Walau bagaimanapun, rangkaian sejuk vaksin masih dikekalkan.

Program pemvaksinan perlu diteruskan dengan menggunakan kelompok vaksin yang lain. Surat pengesahan Pakar Perubatan samada Hani boleh diberi vaksinasi HPV berikutnya perlu diperolehi.

Dapatkan laporan penyiasatan dari BPFK samada kelompok vaksin yang dikuarantin adalah selamat untuk digunakan semula.

Sumber Rujukan : <https://www.lppkn.gov.my/index.php/soalan-lazim/pvhpv>

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1	MAMOGRAM : Apa itu Mamogram?	2
2	MAMOGRAM : Siapa yang memerlukan Mamogram ?	2
3	MAMOGRAM : Mengapa saya memerlukan MAMOGRAM ?	2
4	MAMOGRAM : Bagaimana MAMOGRAM dilakukan ?	2
5	MAMOGRAM : Persediaan untuk MAMOGRAM ?	2
6	MAMOGRAM : Bagaimana jika keputusan MAMOGRAM saya abnormal ?	3
7	MAMOGRAM : Di mana anda boleh mendapatkan Pemeriksaan MAMOGRAM ?	3

Isi Kandungan 1:

MAMOGRAM : Apa itu Mamogram?

Mamogram adalah suatu pemeriksaan saringan sinar-X yang dilakukan untuk mengesan peringkat awal kanser payudara.

Isi Kandungan 2:

MAMOGRAM : Siapa yang memerlukan Mamogram ?

Semua wanita yang berumur 40 tahun dan ke atas boleh menjalani pemeriksaan ini.

Isi Kandungan 3:

MAMOGRAM : Mengapa saya memerlukan MAMOGRAM ?

Mamogram dapat mengesan kanser payudara pada peringkat paling awal iaitu sebelum ketumbuhan dapat dirasai oleh payudara. Ia juga berkesan untuk meneliti kesihatan am payudara.

Isi Kandungan 4:

MAMOGRAM : Bagaimana MAMOGRAM dilakukan ?

Pemeriksaan ini dilakukan oleh Juru X-Ray wanita. Ia mengambil masa selama 10 minit hingga 30 minit. Anda diperlukan untuk mendedahkan bahagian dada anda. Kemudian payudara anda akan diletakkan di antara 2 plat yang terdapat pada mesin. Selepas itu dedahan sinar-X akan dibuat. 2 keping filem sinar-X akan diambil bagi setiap sebelah payudara melalui sudut yang berlainan. Pemeriksaan mamogram adalah selamat kerana radiasinya adalah di tahap sangat rendah.

Isi Kandungan 5:

MAMOGRAM : Persediaan untuk MAMOGRAM ?

Peringatan: Elakkan menguna minyak wangi, deodorant, bedak atau krim pada bahagian dada dan ketiak pada hari pemeriksaan mamogram. Bahan-bahan dalam produk-produk ini mungkin akan menjejaskan keputusan mamogram. Anda perlu memakai pakaian ringkas atau blaus dan seluar panjang atau skirt panjang. Pakaian atas perlu ditanggalkan semasa pemeriksaan dilakukan.

Tip: Lakukan pemeriksaan selepas haid kerana pada masa itu payudara kurang sensitif. Elak minum minuman yang berkafein (kopi, teh, air berkabonat dan coklat) selama seminggu atau dua minggu sebelum hari temujanji. Kafein boleh menyebabkan payudara terasa sakit.

Isi Kandungan 6:

MAMOGRAM : Bagaimana jika keputusan MAMOGRAM saya abnormal ?

Anda akan dirujuk kepada pakar di hospital atau di pusat perubatan untuk penyiasatan lanjut. Keputusan mamogram yang abnormal tidak semestinya bermakna anda mempunyai kanser. Pakar akan melakukan penyiasatan lanjut dan akan memberikan nasihat dan rawatan yang bersesuaian.

Isi Kandungan 7:

MAMOGRAM : Di mana anda boleh mendapatkan Pemeriksaan MAMOGRAM ?

Anda boleh mendapatkan perkhidmatan ini di pusat-pusat mamogram kerajaan dan swasta. LPPKN menyediakan subsidi bagi pemeriksaan mamogram untuk wanita-wanita layak. Sila rujuk kepada mana-mana klinik LPPKN yang berhampiran.

Sumber Rujukan : <https://www.lppkn.gov.my/index.php/soalan-lazim/subsidi-mamogram>

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1	MACARE : Siapakah yang layak mengikuti program Macare?	2
2	MACARE : Berapakah yuran penyertaan yang dikenakan bagi menyertai program ini?	
3	MACARE : Apakah bentuk pengiktirafan diberikan kepada para peserta setelah tamat mengikuti program ini?	
4	MACARE : Adakah program Mamacare ini dijalankan di seluruh negeri?	

Isi Kandungan 1:

MACARE : Siapakah yang layak mengikuti program Macare?

1. Warga Negara Malaysia
2. Ibu tunggal
3. Wanita warga emas yang berusia 50 tahun ke atas
4. Wanita dan warga emas dalam kalangan berpendapatan rendah (LIH)
5. Berminat dan mempunyai kemahiran asas dalam urutan tradisional

-

Isi Kandungan 2:

MACARE : Berapakah yuran penyertaan yang dikenakan bagi menyertai program ini?

Percuma untuk kumpulan wanita yang layak, manakala bagi mereka yang tidak layak, yuran pendaftaran adalah ditanggung sendiri oleh peserta.

Isi Kandungan 3:

MACARE : Apakah bentuk pengiktirafan diberikan kepada para peserta setelah tamat mengikuti program ini?

Bagi peserta yang telah berjaya mengikuti modul lengkap program mereka layak untuk menerima Sijil Amalan Profesional Urutan Melayu yang diiktiraf oleh Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (GAPERA)

Isi Kandungan 4:

MACARE : Adakah program Mamacare ini dijalankan di seluruh negeri?

Ya, program ini akan dilaksanakan di seluruh negeri bermula tahun 2014. Untuk maklumat lebih lanjut, tuan/ puan boleh menghubungi LPPKN Negeri atau Ibu Pejabat, Bahagian Perancangan Korporat LPPKN di talian 03-26937555 samb. 2008/2002.

Sumber Rujukan : <https://www.lppkn.gov.my/index.php/soalan-lazim/2014-07-10-02-56-09>